



JABATAN PERANGKAAN  
MALAYSIA

# BULETIN KHAS DOSM

Menangani Covid-19 di Malaysia

DOSM/BK/SEKTORAL/7.2020/SIRI 9

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada stakeholders dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik kajian kes impak Movement Control Order (MCO) di lapangan bagi Negeri Pahang, Kelantan, Terengganu dan Sabah.

## Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

## PENDAHULUAN

Penularan COVID-19 di hampir keseluruhan negara di dunia dijangka akan mengambil masa yang lama untuk pulih. Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 di seluruh negara sebagai langkah untuk membendung penularan wabak ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang, Kelantan, Terengganu dan Sabah telah melaksanakan Kajian impak Covid-19 kepada beberapa sektor utama negaranya dalam Sektor Perkhidmatan, Perdagangan Borong & Runcit, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian dan Pertanian. Kajian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan temuduga pengusaha di lapangan.

## RINGKASAN KESAN KEPADA BEBERAPA SEKTOR - NEGERI TERPILIH



PAHANG



KELANTAN



TERENGGANU



SABAH

- Sektor Pertanian
  - Sektor Pembinaan
  - Sektor Perkhidmatan
- Sektor Perkhidmatan
  - Sektor Perlombongan & Pengkuarian
  - Sektor Pembinaan
  - Sektor Perkhidmatan
- Sektor Pertanian
- Sektor Perkhidmatan

## SEKTOR PERKHIDMATAN



Minyak masak (2 kg)

➤ RM9.90 hingga RM11.90



Beras SST 5% (10 kg)

➤ RM24.99 hingga RM25.50



Bawang Holland

➤ RM4.99/Kg hingga RM5.99/Kg

**P  
A  
H  
A  
N  
G**

**SEKTOR PEMBINAAN**

- 2,971 kontraktor dengan 53.4% adalah kelas G1, (1 Jan -18 Mac 2020)
- Pekerja pembinaan terpaksa diberhentikan
- Syarikat perlu tanggung kos gaji pekerja, sewaan mesin dan kerosakan mesin
- Bahan binaan terdedah kepada kerosakan.

**Projek pembinaan tergendala**

- Kontraktor perkhidmatan seperti pembersihan (*cleaner*) dibenarkan beroperasi

**SEKTOR PEMBUATAN**

- Industri kelapa sawit menyumbang 44% daripada KDNK sektor pertanian negeri Pahang (2018)
- Keluasan 703.2 ribu hektar dengan purata pengeluaran minyak sawit mentah 2.5 juta tan metrik
- 90% daripada 72 kilang kelapa sawit beroperasi untuk keperluan domestik dan eksport

**SEKTOR PERKHIDMATAN****MAKANAN DAN MINUMAN**

**Jualan menurun hampir 98%**

- Daripada 10 buah premis makanan dan minuman, 80% premis sahaja yang beroperasi
- Hanya perkhidmatan *home delivery* dan *take away*
- Waktu operasi : 10.00 pagi - 7.00 malam
- Jualan menurun hampir 98%
- Mengurangkan pekerja dengan memberi cuti rehat sebulan

**BAS DAN TEKSI**

- Perkhidmatan semua kategori bas ditangguh bermula 21 Mac 2020
- Tiada pelanggan di stesen teksi kerana sekatan laluan jalan raya bermula 25 Mac 2020
- Tiada pendapatan bagi pengusaha bas dan pemandu teksi



**Tiada pendapatan bagi pengusaha bas dan pemandu teksi**

## SEKTOR PERKHIDMATAN



- Kebanyakan operasi perhotelan & penginapan kawasan pulau di tutup
- Memberi kesan 60% - 70% jualan dan tempahan hotel (Mac 2020)
- Kos pengoperasian bagi tempoh PKP ini adalah dianggarkan sebanyak 30% – 40% bagi tujuan pembayaran gaji kakitangan
- Hanya pengusaha resort yang mempunyai 20 hingga 30 bilik ke atas sahaja beroperasi

## SEKTOR PERTANIAN

- 80% hasil tanaman tidak dapat dipasarkan
- Pendapatan nelayan merosot sehingga 60%
- 20,680 petani berdaftar iaitu pengusaha tanaman mengalami kerugian kerana perlu menanggung kos baja, benih dan kos-kos lain
- Hasil tangkapan ikan laut dalam hanya dijual di pasaran tempatan sahaja.



- Aktiviti *haulage* dan kargo mengangkut produk petroleum serta kontena di Kawasan Perindustrian Kerteh berjalan seperti biasa.
- Bilangan pekerja dikurangkan 50%

## SEKTOR PEMBINAAN

- Projek pembinaan tergendala
- Tanggung kos gaji pekerja menggunakan wang simpanan syarikat.
- Jika PKP dilanjutkan, gaji pekerja tetap tidak dapat dibayar
- Pekerja/buruh kontrak tidak terima bayaran gaji
- Pendapatan syarikat susut 30% - 45% (Mac - April 2020)
- Kontraktor kelas G1-G5 antara yang sangat terkesan



## SEKTOR PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN

- Aktiviti perlombongan pasir dihentikan dan aktiviti rantaian di sektor pembuatan dan pembinaan turut terhenti.
- Loji dibenarkan beroperasi dengan kadar pengurangan anggota 50%
- Operasi di Kawasan Perindustrian Paka sedikit terjejas dan berjalan agak perlahan dengan kadar kapasiti operasi dianggarkan 40% - 50%
- Pendapatan syarikat terjejas hampir 100%, pemotongan gaji dan pemberhentian pekerja
- Operasi perlombongan minyak & gas di luar persisir pantai berjalan seperti biasa



## SEKTOR PERKHIDMATAN

### PENGANGKUTAN UDARA



- Purata harian penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA):
  - ✓ 1-17 Mac 2020 (59 penerbangan)
  - ✓ 18-30 Mac 2020 (13 penerbangan)

78%

- Purata harian penerbangan di Lapangan Terbang Sandakan:
  - ✓ 1-17 Mac 2020 (10 penerbangan)
  - ✓ 18-30 Mac 2020 (2 penerbangan)

80%

- Sumbangan pengangkutan udara di Negeri Sabah kepada Sektor Perkhidmatan pada tahun 2019 ialah 1.5% dengan anggaran Nilai Ditambah sebanyak RM540 bilion

### Pengurangan trip semua mod pengangkutan



### PENGANGKUTAN LAUT

S  
A  
B  
A  
H

- Hanya 6 bot sahaja beroperasi secara bergilir berbanding 80 bot (turun 92%) di Semporna
- Bilangan penumpang turun 58% kepada 5 orang setiap trip
- Pendapatan pengusaha bot merosot:
  - ✓ Bot pelancong di Semporna hilang RM900 per trip
  - ✓ Bot pelancong aktiviti pulau di Kota Kinabalu hilang antara RM300 - RM650 per trip
- Laluan Tawau ke Pulau Sebatik:
  - ✓ Trip dikurangkan kepada 1 trip sehari (turun 67%)
  - ✓ Penumpang bot besar dikurangkan 75% → 25 orang
  - ✓ Penumpang bot kecil dikurangkan 83% → 3 orang
- Tambang bot di Semporna naik sebanyak 100% semasa PKP dari RM1.00 ke RM2.00

- Pendapatan pengusaha feri terjejas
- Pengguna feri di Kudat dan Pulau Banggi:
  - ✓ 2 trip → 1 trip (sehari pergi balik)
  - ✓ 100 ke atas → 20-60 penumpang
  - ✓ Bilangan penumpang menurun 40%-60%
- Laluan Menumbok ke Labuan:
  - ✓ Trip dikurangkan kepada 3 trip sehari
- Feri Galaxy hanya dibenarkan beroperasi hari Ahad (2 trip)
- Mulai 22 Mac 2020, perkhidmatan feri telah dihentikan sementara waktu



## SEKTOR PERKHIDMATAN

### MAKANAN DAN MINUMAN

Purata jumlah jualan restoran menurun sebanyak 61%



- Terdapat 8,166 syarikat aktif berdaftar di Negeri Sabah dengan sumbangan Nilai Ditambah melebihi RM2 bilion pada 2019
- Daripada 95 restoran telah dipilih secara rawak, hanya 6 restoran sahaja yang beroperasi iaitu 6.3%
- Purata jumlah jualan untuk restoran ini menurun sebanyak 61% berbanding sebelum tempoh PKP dikuatkuasakan.
- Hanya perkhidmatan *home delivery* dan *take away* disediakan
- Waktu operasi : 6.00 pagi - 6.00 petang (pengurangan 41.6% waktu beroperasi)
- Bilangan pekerja dikurangkan sebanyak 10%
- Pembayaran gaji secara harian kepada pekerja.
- Memberi kesan langsung kepada 141,000 pekerja sektor ini di Sabah.



### KERETA TAMBANG (*e-hailing*)

- Sehingga Mac 2020, lebih 20,000 pemandu telah berdaftar dengan *e-hailing* di Negeri Sabah dan lebih 30% daripadanya adalah pemandu sepenuh masa
- Pendapatan pemandu *e-hailing* merosot hingga 80% iaitu dari RM300-RM500 kepada RM100
- Tempoh perkhidmatan *e-hailing* telah dipendekkan dari 6.00 pagi - 6.00 petang
- Pemandu beralih kepada perkhidmatan *Grab Delivery* dan *Grab Food*



Pendapatan pemandu *e-hailing* merosot hingga 80%